

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)43

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

43. Apakah status sebenar projek tebatan banjir di kawasan Labuh Banting yang menjadi pertemuan Sungai Prai, Sungai Kulim, Sungai Jarak dan Sungai Kereh?
- (a) Nyatakan jumlah peruntukan disalurkan dan baki yang diperlukan untuk projek tebatan banjir?
 - (b) Bilakah pelaksanaan penuh akan bermula serta siap sepenuhnya bagi menamatkan penderitaan penduduk akibat banjir?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

43. Kawasan Labuh Banting yang menjadi pertemuan Sungai Perai, Sungai Kulim, Sungai Jarak dan Sungai Kereh adalah termasuk di dalam Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kulim dan Sungai Perai. Cadangan projek RTB ini telah dikemukakan dalam *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RP1 RMK13). Walau bagaimanapun, kelulusan peruntukan masih belum diterima untuk pelaksanaan projek ini.

- (a) Tiada peruntukan yang diluluskan untuk RTB Sungai Perai.

- (b) Perancangan pelaksanaan projek akan dimuktamadkan setelah permohonan peruntukan diluluskan di bawah RMK13.